



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/11/10

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak
atau disiarkan sebelum pukul 1800
hari Rabu, 23 Mac 2011**

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2010

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran merupakan terbitan tahunan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) yang menjelaskan penilaian Bank mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhan juga terkandung dalam Laporan ini.

Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2010

Sistem kewangan Malaysia terus stabil dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2010 walaupun berdepan dengan ketidakpastian dan cabaran yang berterusan dalam persekitaran operasi. Sepanjang tahun ini, pengantaraan kewangan terus cekap dan menyeluruh, disokong oleh pasaran kewangan yang berfungsi dengan teratur. Asas-asas sistem kewangan dalam negeri yang kukuh bersama-sama dengan persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, telah menyediakan keadaan yang diperlukan bagi pemansuhan secara teratur jaminan menyeluruh atas deposit sementara oleh Kerajaan pada 31 Disember 2010.

Permodalan sektor perbankan terus teguh, diperkukuh oleh modal berkualiti tinggi, yang sebahagian besarnya adalah dalam bentuk ekuiti dan rizab biasa. Agregat nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.8% dan 13% adalah jauh lebih tinggi daripada tahap keperluan minimum kawal selia semasa, dan juga keperluan lebih tinggi di bawah Basel III. Keberuntungan sektor perbankan terus bertambah baik pada tahun 2010, didorong sebahagian besarnya oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi dan

peruntukan bagi penjejasan (impairment) yang lebih rendah. Tahap permodalan industri insurans juga terus kukuh dengan nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) pada 224.6%. Sektor insurans dan takaful juga mencatat prestasi kewangan yang lebih kukuh, hasil sokongan permintaan yang mampan terhadap produk tabungan dan perlindungan selain prestasi pasaran ekuiti yang bertambah baik. Keupayaan sistem kewangan untuk menanggung risiko apabila berhadapan dengan keadaan makroekonomi dan kewangan yang ekstrem terbukti melalui ujian tekanan yang dijalankan ke atas sektor perbankan dan insurans, pada peringkat agregat dan institusi.

Paras hutang isi rumah terus meningkat, tetapi kekal terkawal. Keadaan ini disokong oleh kedudukan kewangan sektor isi rumah yang kukuh berikutan pendapatan yang meningkat, pengumpulan aset yang semakin bertambah, keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan paras tabungan yang tinggi. Nisbah perlindungan hutang isi rumah (diukur sebagai nisbah aset kewangan kepada jumlah hutang) adalah melebihi dua kali ganda, justeru memberikan fleksibiliti kepada isi rumah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan ekonomi dan pendapatan yang berubah-ubah di samping mengekalkan keupayaan mereka membayar balik hutang. Kekukuhan sektor isi rumah juga dapat dilihat melalui trend kegagalan membayar hutang isi rumah yang semakin menurun. Untuk memastikan perkembangan dalam sektor isi rumah tidak menjadi penyebab kepada ketidakstabilan kewangan, langkah-langkah awalan dan menyeluruh telah diperkenalkan sepanjang tahun 2010. Ini merangkumi program pendidikan kewangan yang lebih terfokus, langkah kad kredit baharu, pelaksanaan nisbah pinjaman-kepada-nilai secara tertumpu dalam segmen pembiayaan perumahan, dan juga pengukuhan keperluan terhadap bank untuk melaksanakan amalan pemberian pinjaman yang berhemat dan bertanggungjawab.

Peningkatan aliran masuk dan ketidaktentuan pelaburan portfolio ke dalam rantau Asia, termasuk Malaysia, telah mendorong pengawasan yang lebih teliti terhadap pertambahan risiko dalam sistem kewangan dan pasaran aset. Meskipun magnitud aliran portfolio adalah besar, implikasinya terhadap kestabilan kewangan masih terkawal memandangkan amalan pengambilan risiko institusi kewangan, sektor perniagaan dan isi rumah di Malaysia tidak banyak berubah. Keadaan pasaran kewangan terus teratur manakala pertambahan jumlah dan pergerakan aliran portfolio tersebut telah disalurkan kepada kelas aset yang pelbagai.

Penularan risiko akibat perkembangan luaran, yang sebahagian besarnya berpunca daripada perkembangan fiskal dan perbankan di Eropah, serta ketegangan geopolitik di Timur Tengah, hanya memberikan impak yang kecil terhadap sektor kewangan di Malaysia. Ini memandangkan dedahan institusi kewangan negara terhadap rakan niaga dalam rantau-rantau tersebut adalah kecil dan kebanyakannya adalah secara tidak langsung. Oleh itu, kemungkinan kerugian kredit, sekiranya berlaku insiden kegagalan hutang kerajaan secara meluas adalah terhad. Langkah kumpulan perbankan Malaysia memperluas operasi mereka ke rantau Asia sejak tahun-tahun kebelakangan ini telah memperdalam hubungan kewangan negara dan

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919

Web: www.bnm.gov.my

meskipun perkembangan ini telah meningkatkan kemungkinan berlakunya transmisi risiko merentas sempadan, namun limpahan yang buruk dari luar negeri dianggarkan kecil. Risiko kredit kepada sistem perbankan yang berpunca daripada operasi di luar negeri terus boleh diuruskan memandangkan prestasi ekonomi kukuh negara-negara di rantau ini. Keadaan ini diperkuat lagi oleh asas-asas kedudukan kewangan dan keupayaan menguruskan risiko yang mantap pada peringkat entiti di luar negeri dan juga peringkat kumpulan. Selain itu, langkah-langkah telah diambil oleh sebilangan negara di rantau ini untuk membendung kenaikan harga aset yang keterlaluan.

Sistem perbankan Islam terus berdaya tahan sepanjang tahun 2010, disokong oleh permodalan yang tinggi, kualiti aset yang bertambah baik dan keberuntungan yang mampan dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Pentadbiran rizab penyamaan keuntungan yang berhemat oleh bank-bank Islam telah menyumbang ke arah pengurusan yang lebih berkesan terhadap risiko komersial teranjak (*displaced commercial risk*). Institusi perbankan Islam juga giat menguruskan risiko jurang penentuan semula harga yang timbul daripada ciri pembiayaan portfolio kadar tetap dengan swap kadar keuntungan Islam. Untuk mengurangkan pertumpuan kepada pembiayaan kadar tetap, institusi perbankan Islam semakin memberikan tumpuan pada produk pembiayaan Islam berkadar boleh ubah dalam bentuk *musharakah mutanaqisah* (perkongsian berkurang) dan *ijarah* (pajakan).

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia terus berdaya tahan dan beroperasi dengan lancar sepanjang tahun 2010. Sistem ini juga menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan pengekal keyakinan awam. Operasi sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik (Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS)) terus kukuh dan telah mencapai 99% daripada ketersediaan sistem pada tahun 2010. Sistem pembayaran runcit utama yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) dan Touch 'n Go Sdn. Bhd. (TnG) juga tidak mengalami sebarang gangguan besar sepanjang tahun tersebut.

Pembangunan sektor kewangan dan sistem pembayaran

Langkah-langkah dasar untuk membangunkan sektor kewangan terus menyokong kestabilan makroekonomi dan momentum pertumbuhan ekonomi negara sambil meneruskan usaha jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan dan daya tahan sektor kewangan Malaysia.

Jaring keselamatan kewangan diperkukuh lagi dengan berkuatkuasanya Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2011 pada 31 Disember 2010. Undang-undang baharu ini memperluas dan menambah liputan sistem insurans deposit, di samping memberikan PIDM pelbagai kaedah intervensi dan penyelesaian yang boleh digunakan sekiranya wujud kemungkinan ahli institusi akan mengalami kegagalan. Rangka kerja jaring keselamatan

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919

Web: www.bnm.gov.my

kewangan yang baharu untuk sektor insurans dan takaful juga diperkenalkan dengan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (Takaful and Insurance Benefits Protection System, TIPS). TIPS menyediakan perlindungan yang lebih baik untuk pemegang polisi insurans dan peserta takaful.

Dalam industri insurans, usaha terus ditumpukan ke arah menggalakkan penambahbaikan seterusnya terhadap keupayaan pengurusan modal dan risiko, serta mempersiapkan industri tersebut agar dapat menyokong permintaan baharu dan yang lebih besar terhadap produk insurans dan takaful. Sehubungan dengan itu, Bank terus menggalakkan penggabungan, terutamanya dalam industri insurans am. Penambahbaikan struktur juga diteruskan lagi untuk kemampanan jangka panjang sektor insurans motor. Rangka kerja perlindungan motor baharu yang dicadangkan bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dari segi akses yang lebih baik kepada insurans motor pada kadar premium yang mampu dibayar selain perlindungan yang berterusan dalam jangka panjang. Langkah ini juga akan diperlengkap dengan usaha penambahbaikan terhadap proses penyelesaian tuntutan bagi memastikan pampasan yang adil dan tepat pada masanya.

Langkah dasar segera yang dilaksanakan Bank pada tahun 2008 dan 2009 untuk menyokong sektor perniagaan dan isi rumah dalam menguruskan tanggungjawab hutang mereka sepanjang tempoh ini dan memastikan aliran kredit yang berterusan kepada ekonomi, telah membolehkan pengantaraan kewangan berjalan dengan lancar lagi cekap. Jumlah pembiayaan terkumpul sektor perniagaan dan isi rumah meningkat dengan teguh, masing-masing pada 9.4% dan 13.4%. Persekitaran pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga bertambah baik dengan usaha berterusan diambil bagi menyediakan rangka kerja institusi yang komprehensif bagi PKS. Ini termasuk pewujudan platform tambahan untuk jangkauan serta penyediaan perkhidmatan sokongan dan nasihat untuk PKS, selain langkah yang diambil bersama-sama dengan institusi kewangan untuk mempercepat kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada PKS. Usaha tersebut terus menyediakan sokongan yang diperlukan oleh PKS bagi membolehkan mereka terus maju dan berkembang menjadi entiti yang lebih besar dan berdaya saing.

Inisiatif untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab global kewangan Islam terus menjadi agenda penting Bank. Sehubungan dengan itu, tumpuan diberikan terutamanya kepada usaha membina keupayaan, infrastruktur dan tenaga kerja mahir. Bank turut serta dalam penubuhan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) pada Oktober 2010. IILM akan menjadi sebahagian daripada infrastruktur Islam antarabangsa untuk menyokong keperluan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam global. Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang peringkat tinggi juga telah dibentuk pada tahun 2010 untuk merumuskan saranan-saranan bagi meningkatkan kepastian dan kebolehuatkuasaan kontrak Syariah di Malaysia. Pengenalan dasar imigresen yang lebih akomodatif untuk menarik mereka yang berkepakaran untuk menyertai industri kewangan Islam, dan

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919

Web: www.bnm.gov.my

penambahbaikan berterusan oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) dalam bidang pengajian tinggi kewangan Islam telah memantapkan kumpulan tenaga kerja mahir yang sedia ada bagi menyokong perkembangan industri ini seterusnya. Empat lesen takaful keluarga baharu juga dikeluarkan bagi usaha sama antara peserta global dan serantau dengan entiti dalam negeri yang kukuh, memandangkan tawaran nilai mereka yang utuh dijangka dapat mengembangkan industri takaful keluarga di Malaysia dengan lebih pesat lagi.

Sejajar dengan komitmen Malaysia untuk melaksanakan liberalisasi secara berperingkat, lima lesen bank perdagangan baharu telah dikeluarkan kepada institusi asing yang mempunyai kepakaran baharu, rangkaian global dan tawaran nilai yang kukuh agar dapat memberikan sumbangan positif kepada sistem kewangan dan ekonomi Malaysia. Dengan adanya institusi tersebut, sistem kewangan Malaysia dijangka menjadi lebih pelbagai, selain dapat menyokong bidang pertumbuhan baharu dan membantu aliran perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Pada tahun 2010, bank asing sedia ada yang diperbadankan di Malaysia juga diberikan lebih banyak fleksibiliti dari segi operasi untuk membuka cawangan baharu.

Bank terus menggiatkan lagi usahanya untuk memperluas jangkauan perkhidmatan kewangan di seluruh negara, termasuk rancangan seterusnya untuk institusi kewangan membuka cawangan di daerah-daerah yang masih belum mempunyai kemudahan perkhidmatan perbankan di Sabah dan Sarawak. Fleksibiliti juga diberikan kepada institusi perbankan untuk berkongsi platform perkhidmatan melalui kerjasama dengan pihak ketiga bagi memastikan orang ramai mendapat akses yang lebih mudah kepada perkhidmatan kewangan asas. Akses kepada pembiayaan tanpa cagaran menunjukkan pertumbuhan ketara sejak pelaksanaan rangka kerja Pembiayaan Mikro pada tahun 2006. Hasilnya, jumlah pembiayaan mikro terkumpul mencecah RM776 juta pada akhir tahun 2010. Usaha ini dilengkapi lagi oleh Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia (1Malaysia Micro Protection Plan, 1MMPP), yang sedang dimuktamadkan oleh industri insurans dan takaful. Pelan ini bertujuan menyediakan jaring keselamatan kepada usahawan mikro dan individu. Bank juga giat meneruskan usaha memperkasa pengguna melalui maklumat pendidikan dan bantuan kewangan, selain meneruskan kerjasama strategik dengan persatuan pengguna untuk melaksanakan program celik kewangan untuk masyarakat dan golongan muda di kawasan bandar dan luar bandar di seluruh negara.

Kumpulan perbankan Malaysia semakin jauh mengorak langkah di rantau Asia dan kewangan Islam pula semakin penting dalam sistem kewangan global. Hasilnya, hubungan dua hala dan kerjasama dengan bank-bank pusat sekitar rantau ini dan rantau lain telah menjadi semakin kukuh. Rangka kerja hubungan dua hala dan kerjasama dengan bank-bank pusat terus ditingkatkan susulan termeterainya beberapa memorandum persefahaman (memorandums of understanding, MoU) baharu yang merangkumi pelbagai bidang berkaitan dengan penyeliaan perbankan merentas sempadan, integrasi ekonomi, pembinaan keupayaan dan pembangunan strategik dalam

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919

Web: www.bnm.gov.my

kewangan konvensional dan Islam. Satu inisiatif kerjasama utama ialah pelaksanaan Perjanjian Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai yang melibatkan perjanjian swap mata wang untuk semua negara anggota ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Korea untuk memperkukuh lagi kapasiti rantau Asia dalam menangani risiko kestabilan kewangan.

Usaha pada peringkat kebangsaan untuk mengawal aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan kegiatan keganasan ditingkatkan lagi dengan pelaksanaan Pelan Strategik Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism, AML/CFT) Kebangsaan 2010 – 2012 untuk mendapatkan hasil yang berimpak tinggi, peruntukan sumber yang lebih optimum dan pemantauan langkah AML/CFT yang lebih baik. Kajian semula yang menyeluruh juga dibuat terhadap rejim undang-undang dan pengawalseliaan industri pengurusan dan perkhidmatan kiriman wang untuk memajukan dan memodenkan industri tersebut, di samping terus memperkukuh daya tahannya daripada aktiviti haram.

Dalam bidang sistem pembayaran, usaha berterusan dilaksanakan untuk meningkatkan dan memodenkan sistem RENTAS agar lebih cekap dan boleh diharapkan. Bank terus menggiatkan usahanya untuk mencapai penembusan lebih meluas pembayaran secara elektronik dalam sektor sasaran. Kini, 97% daripada pembayaran oleh Kerajaan telah pun beralih kepada kaedah pembayaran secara elektronik. Pelaksanaan inisiatif pembayaran saham dan dividen melalui saluran elektronik pada tahun 2010 telah menambah lagi kecekapan dalam pasaran modal, serta menyediakan akses lebih mudah dan pantas kepada para pelabur untuk mendapatkan dana. Usaha juga sedang diambil untuk mewujudkan ekosistem perbankan dan pembayaran mudah alih yang terbuka dan saling terhubung antara satu sama lain, yang seterusnya akan menggalakkan penggunaan saluran perbankan dan pembayaran mudah alih yang lebih meluas di negara ini. Inisiatif kerjasama yang berkaitan dengan integrasi sistem pembayaran serantau dalam kalangan bank pusat di rantau ASEAN dan peserta industri serantau turut dipergiat untuk merealisasikan hasrat membentuk Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2015.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Dengan landskap sistem kewangan global yang berubah-ubah dan sistem kewangan global pula semakin bersepadu, rangka kerja dasar kestabilan kewangan yang diterima pakai oleh Bank memberi lebih tumpuan pada peranan rangka kerja dasar kehematan mikro dan makro yang saling melengkapi, di samping pengawalan dan penyeliaan terhadap amalan pasaran.

Penerapan pendekatan berasaskan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) bagi risiko kredit oleh 11 institusi perbankan dan juga pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) – komponen Tunggak 2 dalam Basel II – menyempurnakan peralihan Malaysia

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919

Web: www.bnm.gov.my

kepada Basel II. Fokus aktiviti penyeliaan Bank pada tahun 2011 akan dijuruskan kepada penilaian dan pemantauan terhadap kemajuan inisiatif Tunggak 2 institusi perbankan di samping menilai pendekatan yang diambil bank semasa memperuntukkan modal bagi risiko perniagaan yang utama. Di samping itu, standard kehematan tadbir urus terus ditingkatkan untuk menggalakkan penilaian lebih berkesan berhubung dengan kesesuaian dan kewajaran orang-orang yang memegang jawatan penting dalam institusi kewangan.

Inisiatif pembaharuan global oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) mencatat kemajuan besar pada tahun 2010 dengan terbitnya piawaian modal dan mudah tunai baharu pada September 2010. Strategi pelaksanaan penerapan piawaian antarabangsa baharu pada peringkat dalam negeri akan dijelaskan dengan lebih lanjut pada tahun 2011, dan ia akan melibatkan penelitian rapi terhadap implikasi yang mungkin berlaku terhadap ekonomi Malaysia, kesediaan sistem kewangan secara keseluruhan dan juga manfaat yang dapat diraih daripada langkah memperkukuh daya tahan sistem kewangan terhadap kejutan masa hadapan.

Rangka kerja pengawalseliaan bagi sistem kewangan Islam terus ditambah baik melalui pembangunan rangka kerja kesolvenan yang lebih mantap, rangka kerja pengawalseliaan yang lebih kukuh bagi pengurusan dana takaful dan keperluan tadbir urus Syariah untuk bank-bank Islam dan pengendali takaful, yang selari dengan standard kehematan yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB). Inisiatif global untuk memperkukuh daya tahan sistem kewangan Islam diteruskan lagi pada tahun 2010. Pasukan Petugas Mengenai Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global telah menerbitkan Laporan Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global. Laporan ini membentangkan lapan asas utama bagi sistem kewangan Islam yang teguh dan berdaya tahan dalam persekitaran global yang semakin mencabar. Malaysia telah melangkah jauh dalam usaha membina asas-asas utama ini memandangkan usaha membangunkan sektor kewangan Islam telah dilaksanakan selari dengan sistem kewangan konvensional sejak sedekad yang lalu.

Aktiviti penyeliaan pada tahun 2010 terus tertumpu pada usaha mengukuhkan keupayaan institusi kewangan untuk menjangka dan bertindak balas terhadap risiko yang muncul, serta memastikan kedudukan berisiko dan kelemahan yang telah dikenal pasti akan diambil tindakan susulan dan diperbetul secara berkesan. Fokus terus dihalakan ke arah menggalakkan ujian ketahanan dan proses pengurusan modal yang lebih jitu bagi memastikan daya tahan institusi kewangan terus mampan di bawah pelbagai senario kewangan dan ekonomi. Bank juga mempertingkatkan pengawasannya terhadap amalan pasaran berikutan persaingan yang semakin sengit dalam segmen runcit. Penilaian penyeliaan secara tematik turut dilaksanakan untuk mengkaji amalan lembaga pengarah institusi perbankan dan menilai keberkesanan pelaksanaan AML/CFT oleh institusi kewangan. Hasil daripada aktiviti dan penilaian penyeliaan ini telah membolehkan Bank mengambil langkah-

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919

Web: www.bnm.gov.my

langkah tindak balas lebih awal terhadap sebarang kelemahan yang dikenal pasti melalui tindakan penyeliaan yang wajar.

Keutamaan pada tahun 2011

Keutamaan dalam agenda pembangunan pada tahun 2011 akan dijuruskan ke arah pelaksanaan rangka tindakan sektor kewangan baharu yang bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan sektor kewangan negara untuk menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Antara tunggak asas rangka tindakan ini adalah untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi perkhidmatan kewangan Islam, menyokong kajian semula yang menyeluruh terhadap sistem pencen dan keselamatan sosial sejajar dengan trend demografi dan sosial di Malaysia, serta terus memperkuat kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi serantau dan antarabangsa melalui langkah membantu perkembangan selanjutnya bagi urus niaga kewangan merentas sempadan.

Walaupun sistem kewangan Malaysia berada pada kedudukan yang kukuh untuk memelihara kestabilan kewangan, Bank akan terus berwaspada terhadap punca-punca risiko yang mungkin timbul daripada perkembangan di luar negeri. Pengawasan makro dan aktiviti penyeliaan Bank akan terus memberikan tumpuan ke arah memastikan tingkah laku pengambilan risiko yang berhemat dan bertanggungjawab, di samping mengekalkan pengawasan teliti terhadap aktiviti entiti bukan bank yang kian meningkat bagi memastikan sebarang risiko yang mungkin memberikan kesan terhadap kestabilan kewangan akan dapat ditangani pada peringkat awal.

Bank Negara Malaysia
23 Mac 2011